



Fakulti Pendidikan, Bahasa dan Komunikasi

**Bahan Pengajaran-Pembelajaran Seni Bahasa: Analisis Makna Melalui
Semantik Inkuisitif**

George Romiko Bujang

**Doktor Falsafah
2024**

Bahan Pengajaran-Pembelajaran Seni Bahasa: Analisis Makna Melalui
Semantik Inkuisitif

George Romiko Bujang

Tesis ini dikemukakan
Bagi memenuhi syarat untuk memperoleh Ijazah Doktor Falsafah
(Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa)

Fakulti Pendidikan, Bahasa dan Komunikasi

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

2024

PERAKUAN

Saya mengaku bahawa kerja-kerja di dalam tesis ini telah diselaraskan dengan peraturan-peraturan Universiti Malaysia Sarawak, dan tesis ini adalah asli. Tesis ini tidak pernah diterima untuk sebarang ijazah dan tidak dikemukakan secara serentak bagi sebarang pencalonan ijazah lain.

.....

Tandatangan

Nama: George Romiko Anak Bujang

No Matrik: 19010164

Fakulti Pendidikan, Bahasa dan Komunikasi

Universiti Malaysia Sarawak

Tarikh:

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana telah memberi kekuatan dan semangat kepada saya yang telah berjaya menyiapkan tesis ini yang bertajuk Bahan pengajaran-pembelajaran Seni Bahasa: Analisis Makna Melalui Semantik Inkuisitif. Jutaan terima kasih yang tidak terhingga juga kepada para pensyarah dan kakitangan di Fakulti Pendidikan, Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak terutama sekali, pensyarah penyelia kajian saya iaitu, **Profesor Madya Dr. Fatimah binti Subet** kerana memberikan kepercayaan, dorongan serta tunjuk ajar kepada saya dari awal kajian sehinggalah berakhirnya kajian ini. Kepada seluruh agensi yang telah membantu dan menyokong penyelidikan ini khususnya Sekolah Kebangsaan Batu Luking, Pejabat Pendidikan Daerah Kanowit dan Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak (JPNS) terima kasih yang tidak terhingga diucapkan. Buat insan-insan yang tidak pernah dilupakan, terima kasih untuk isteri tercinta **Jane Tan Su Ling**, serta anak-anak yang tidak pernah jemu memberikan sokongan moral dan motivasi agar perasaan saya kekal positif untuk meneruskan penyelidikan ini. Terima kasih kerana bersabar dengan kesibukan saya hingga terkadang mengabaikan kalian. Buat ayah dan ibu yang amat disayangi, terima kasih kerana sentiasa mendoakan kejayaan saya. Sesungguhnya jasa, galakan dan doa mereka telah banyak memberikan semangat kepada saya sehingga saya berjaya menyiapkan tesis ini. Ucapan terima kasih juga kepada responden kajian yang telah memberikan kerjasama yang padu kepada saya sehingga saya telah berjaya menyiapkan kajian ini. Responden yang dimaksudkan ialah semua murid tahap 2 di Sekolah Kebangsaan Batu Luking, Kanowit bagi Tahun 2021 / 2022. Penghargaan juga diberikan kepada rakan-rakan yang banyak membantu sama ada secara langsung atau tidak langsung. Tanpa kalian, kajian saya tidak akan berjaya untuk sampai ke tahap ini. Jutaan terima kasih kepada semua yang telah terlibat.

Sekian.

ABSTRAK

Seni bahasa merupakan salah satu elemen penting yang wujud dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Bahasa Melayu Sekolah Rendah. Mempelajari seni bahasa dalam suasana Pembelajaran Abad ke-21 (PAK21) yang serba mencabar memerlukan kaedah pembelajaran yang relevan dan bersesuaian dengan perkembangan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) murid. Tambahan pula, masih terdapat sebilangan murid belum berupaya mencungkil makna implisit yang terkandung dalam bahan pengajaran dan pembelajaran seni bahasa. Justeru, kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk mengesan, mencungkil dan menjelaskan makna tersirat dalam bahan pengajaran dan pembelajaran seni bahasa sehingga peringkat akal budi dengan mengaplikasikan pendekatan Semantik Inkuisitif (SI) yang diperkenalkan oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2014). Teori Relevans (TR) yang diasaskan oleh Sperber & Wilson (1986) dan Rangka Rujuk Silang (RRS) oleh Kempson (1984) juga digunakan dalam kajian ini. Kajian berbentuk kualitatif ini menggunakan kaedah analisis teks terhadap bahan seni bahasa yang terkandung dalam buku teks Bahasa Melayu Tahun Empat sehingga Tahun Enam Sekolah Kebangsaan (SK). Pemerhatian terhadap responden kajian yang terdiri daripada 30 orang murid tahap dua di Sekolah Kebangsaan Batu Luking, Kanowit turut dilaksanakan. Hasil kajian mendapati bahawa pendekatan SI yang bersistematik dan multidisiplin ini berupaya menjana KBAT murid dalam usaha meneroka makna tersirat yang terkandung dalam bahan pengajaran dan pembelajaran seni bahasa. Penggunaan RRS dalam peringkat kedua analisis semantik resonans menjadikan pembelajaran pendidikan Bahasa Melayu lebih menarik dan bermakna. Pendekatan SI yang diketengahkan ini diharapkan menjadi kaedah terbaik untuk memimpin murid meneroka makna tersirat di sebalik bahan seni bahasa untuk menghasilkan impak pembelajaran yang lebih berkualiti.

Kata Kunci: Seni bahasa, semantik inkuisitif, teori relevans, rangka rujuk silang, KBAT

Language Arts of Teaching-Learning Materials: Meaning Analysis Through Inquisitive Semantics

ABSTRACT

Language arts in the Malay Language education is one of the key elements inherent in the Primary Schools' Standard Document for Curriculum and Assessment (DSKP). In this 2nd Century Learning Environment (PAK21) challenging, suitable and relevant learning method are required for students' Higher Order Thinking Skills (HOTS) development. Furthermore, there are some students unable to discover the implicit meaning contained in the language arts' teaching and learning materials. Hence, this study was implemented with the aim of detecting, discovering and explaining the implicit meaning in the language arts' teaching and learning materials until to the common sense' level by applying the Inquisitive Semantic (IS) approach introduced by Nor Hashimah Jalaluddin (2014). Relevance Theory (TR) founded by Sperber & Wilson (1986) and the Cross-Reference Framework (CRF) by Kempson (1984) also used in this study. This study is in a qualitative form using the method of text analysis of language art materials which was taken from Year Four to Year Six Malay Language textbooks (SK). 30 respondents consisting of Level Two students of Sekolah Kebangsaan Batu Luking, Kanowit were selected for observation. The findings showed that the systematic and multidisciplinary IS approach is capable to generate HOTS among students in exploring the implicit meanings contained in the language arts' teaching and learning materials. The use of CRF in the second stage of resonance semantic analysis has made learning in Malay language education more interesting and meaningful. The IS approach is expected to be the best way to lead students to explore the implicit meaning behind language art materials in order to create more quality of learning impact.

Keywords: *Language art, inquisitive semantics, relevance theory, cross-reference framework, HOTS.*

ISI KANDUNGAN

	Muka surat
PERAKUAN	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
<i>ABSTRACT</i>	iv
ISI KANDUNGAN	v
SENARAI JADUAL	x
SENARAI GAMBAR	xiii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv
BAB 1: PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang	2
1.3 Masalah Kajian	6
1.4 Objektif Kajian	10
1.5 Persoalan Kajian	10
1.6 Kepentingan Kajian	11
1.7 Definisi Operasional	16
1.7.1 Bahan Pengajaran-pembelajaran	16
1.7.2 Seni Bahasa	17
1.7.3 Puisi (sajak)	17
1.7.4 Semantik Inkuisitif	18
1.8 Rumusan Bab	21

BAB 2: KAJIAN LITERATUR	22	
2.1	Pendahuluan	22
2.2	Perkembangan Lepas Teori Semantik	22
2.3	Kajian Lampau Seni Bahasa dalam Bahasa Melayu	25
2.4	Bidang Kajian Berkaitan: Semantik Inkuisitif	45
2.5	Kajian Semantik Inkuisitif di Luar Negara	79
2.6	Kajian Lampau Penggunaan Teori Relevans	85
2.7	Analisis Kritis	96
2.8	Rumusan Bab	98
BAB 3: METODOLOGI KAJIAN	100	
3.1	Pendahuluan	100
3.2	Reka bentuk Kajian	100
3.3	Pendekatan Kajian Kualitatif	101
3.4	Teori Kajian	101
	3.4.1 Pendekatan Semantik Inkuisitif (SI)	101
	3.4.2 Teori Relevans (TR)	104
	3.4.3 Rangka Rujuk Silang (RRS)	107
3.5	Pewajaran Pemilihan Teori dan Pendekatan	108
	3.5.1 Pewajaran Pemilihan Pendekatan Semantik Inkuisitif (SI)	108
	3.5.2 Pewajaran Pemilihan Teori Relevans (TR)	109
	3.5.3 Pewajaran Pemilihan Konsep Rangka Rujuk Silang (RRS)	110
3.6	Data Kajian	111
	3.6.1 Data Utama Kajian (puisi)	111
	3.6.2 Data Spesifik	111

3.7	Kaedah Analisis Kandungan	112
3.8	Teknik Pengumpulan Data	113
3.8.1	Rakaman	113
3.8.2	Pemerhatian	113
3.8.3	Sumber Dokumen	114
3.8.3.1	Data Korpus	114
3.8.3.2	Kajian Kepustakaan	116
3.8.4	Nota Lapangan	117
3.9	Instrumen Kajian	117
3.9.1	Borang Analisis	117
3.9.2	Borang Pemerhatian	118
3.9.3	Borang Maklum Balas	118
3.10	Skop Kajian	119
3.11	Maklumat Responden Kajian	120
3.12	Prosedur Pengutipan Data	121
3.13	Contoh Penganalisan Data	125
3.14	Rumusan Bab	134
BAB 4: ANALISIS, DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN		135
4.1	Pendahuluan	135
4.2	Analisis dan Perbincangan Data Kajian	135
4.2.1	Sajak 1: Istimewanya Kita	136
4.2.1.1	Analisis Data 1 : Membuka pintu dunia	139
4.2.1.2	Analisis Data 2 : Hingga membawaku ke bintang	154
4.2.2	Sajak 2: Jiwa Hamba	162

4.2.2.1	Analisis Data 3: Kosong di jiwa tiada penghuni	162
4.2.2.2	Analisis Data 4: Selagi hidup berjiwa hamba	172
4.2.3	Sajak 3 : Silang Budaya	180
4.2.3.1	Analisis data 5: Berbeza budaya kelainan tutur bicara	184
4.2.3.2	Analisis data 6: Medan mencari rezeki sesuap nasi	190
4.2.4	Sajak 4: Demi Negara	196
4.2.4.1	Analisis Data 7: Tegak semangat mengalun lagu	200
4.2.4.2	Analisis data 8: Lahirkan jiwa sukarela	206
4.2.5	Sajak 5: Tenaga Alternatif	214
4.2.5.1	Analisis data 9: Akal kita mampu mengolahnya	218
4.2.5.2	Analisis data 10: Memutar turbin tanpa jemu	226
4.2.6	Sajak 6: Janji Kepada Bumi	234
4.2.6.1	Analisis data 11: Agar sejahtera perutmu	237
4.2.6.2	Analisis data 12: Bersatu hati bak seberkas lidi	244
4.3	Perbincangan Hasil Pemerhatian Proses PdP Seni Bahasa	251
4.3.1	Rumusan Pemerhatian Sesi PdP Seni Bahasa Tahun 4	251
4.3.2	Rumusan Pemerhatian Sesi PdP Seni Bahasa Tahun 5	255
4.3.3	Rumusan Pemerhatian Sesi PdP Seni Bahasa Tahun 6	260
4.4	Keberkesanan Pendekatan Semantik Inkuisitif sebagai Pendekatan dalam PdP (Dapatan Maklum Balas Responden)	261
4.4.1	Maklum Balas Murid 1	262
4.4.2	Maklum Balas Murid 2	264
4.4.3	Maklum Balas Murid 3	267
4.4.4	Maklum Balas Murid 4	269
4.4.5	Maklum Balas Murid 5	271

4.4.6 Maklum Balas Murid 6	273
4.4.7 Maklum Balas Murid 7	274
4.4.8 Maklum Balas Murid 8	275
4.4.9 Maklum Balas Murid 9	277
4.5 Rumusan Bab	278
BAB 5: KESIMPULAN	280
5.1 Pendahuluan	280
5.2 Rumusan Dapatan Kajian	280
5.3 Sumbangan dan Implikasi Kajian	282
5.4 Cadangan Kajian Masa Depan	286
5.5 Rumusan Keseluruhan	288
BIBLIOGRAFI	
APENDIKS	

SENARAI JADUAL

	Muka surat
Jadual 2.1	Dapatan Analisis Dua Kumpulan Pelajar Dalam Ujian 27
Jadual 2.2	Makna Peribahasa ‘Jangan bangunkan kucing yang tidur’ 30
Jadual 2.3	Analisis TR ‘Sebuah Dinding Tua’ 32
Jadual 2.4	Analisis TR : Personafikasi – (Baris 15) Hati mereka bersalaman dan saling berpelukan 34
Jadual 2.5	Analisis peringkat resonans makna harfiah tentang seekor anjing 50
Jadual 2.6	Makna Linguistik ‘Kunyah tebu’ 51
Jadual 2.7	Peribahasa Tamil iaitu “Puli pasithalum, pul thinnathu” berserta makna mudah 58
Jadual 2.8	Makna Perkamusan Peribahasa ‘Bagai durian dengan mentimun’ 68
Jadual 2.9	Makna Perkamusan Peribahasa ‘ <i>Manuk mati keberuran di tibang padi</i> ’ 72
Jadual 2.10	Makna Perkamusan Peribahasa ‘ <i>Semaiitha keerai mulaikuma</i> ’ 77
Jadual 2.11	Makna Perkamusan Peribahasa 80
Jadual 2.12	Makna Peribahasa “Bergantung pada akar lapuk” 83
Jadual 2.13	Analisis TR leksikal ‘kota’ 89
Jadual 2.14	Analisis TR leksikal ‘Racun’ 90
Jadual 2.15	Analisis TR Esplikatur ‘Kolam-kolam derita’ 95
Jadual 3.1	Peringkat Analisis Semantik Inkuisitif 103
Jadual 3.2	Data Spesifik Kajian 112
Jadual 3.3	Bilangan Bahan Seni Bahasa dalam Buku Teks 115
Jadual 3.4	Jumlah Perkataan Setiap Petikan Sajak 116
Jadual 3.5	Taburan Murid Mengikut Jantina 120
Jadual 3.6	Taburan Murid Mengikut Umur 120

Jadual 3.7	Paparan makna linguistik berdasarkan Kamus Dewan Edisi Keempat (2005)	127
Jadual 3.8	Analisis TR	129
Jadual 4.1	Makna Harfiah ‘Membuka Pintu Dunia’	141
Jadual 4.2	Penentuan Kod, Inferens dan Andaian Analisis TR ‘Membuka pintu dunia’	144
Jadual 4.3	Rancangan Pengajaran Harian Sajak ‘Istimewanya Kita’	151
Jadual 4.4	Makna Harfiah ‘Hingga membawaku ke bintang’	156
Jadual 4.5	Penentuan Kod, Inferens dan Andaian Analisis TR ‘Hingga membawaku ke bintang’	157
Jadual 4.6	Makna harfiah ‘kosong di jiwa tiada penghuni’	163
Jadual 4.7	Penentuan Kod, Inferens dan Andaian ungkapan ‘Kosong di jiwa tiada penghuni’	165
Jadual 4.8	Rancangan Pengajaran Harian Sajak ‘Jiwa Hamba’	169
Jadual 4.9	Makna harfiah ‘selagi hidup berjiwa hamba’	173
Jadual 4.10	Penentuan Kod, Inferens dan Andaian ‘selagi hidup berjiwa hamba’	175
Jadual 4.11	Rancangan Pengajaran Harian Sajak ‘Silang Budaya’	181
Jadual 4.12	Makna Harfiah ‘berbeza budaya kelainan tutur bicara’	184
Jadual 4.13	Penentuan Kod, Inferens dan Andaian bagi ungkapan ‘berbeza budaya kelainan tutur bicara’	186
Jadual 4.14	Makna Harfiah ‘medan mencari rezeki sesuap nasi’	191
Jadual 4.15	Analisis TR ‘Medan mencari rezeki sesuap nasi’	192
Jadual 4.16	Rancangan Pengajaran Harian ‘Demi Negara’	197
Jadual 4.17	Makna harfiah ‘tegak semangat mengalun lagu’	200
Jadual 4.18	Penentuan Kod, Inferens dan Andaian ‘tegak semangat mengalun lagu’	202

Jadual 4.19	Makna Harfiah ‘lahirkan jiwa sukarela’	206
Jadual 4.20	Analisis TR ungkapan ‘lahirkan jiwa sukarela’	208
Jadual 4.21	Rancangan Pengajaran Harian Sajak ‘Tenaga Alternatif’	215
Jadual 4.22	Makna harfiah ‘akal kita mampu mengolahnya’	218
Jadual 4.23	Analisis TR ‘akal kita mampu mengolahnya’	220
Jadual 4.24	Makna harfiah ‘memutar turbin tanpa jemu’	227
Jadual 4.25	Analisis TR ‘memutar turbin tanpa jemu’	229
Jadual 4.26	Rancangan Pengajaran Harian Sajak ‘Janji Kepada Bumi’	235
Jadual 4.27	Makna harfiah ‘Agar sejahtera perutmu’	238
Jadual 4.28	Analisis TR ‘Agar sejahtera perutmu’	239
Jadual 4.29	Makna harfiah ‘bersatu hati bak seberkas lidi’	245
Jadual 4.30	Analisis TR ‘Bersatu hati bak seberkas lidi’	246
Jadual 4.31	Rumusan Pemerhatian Sesi Pengajaran-Pembelajaran Sajak ‘Istimewanya Kita’	251
Jadual 4.32	Rumusan Pemerhatian Sesi Pengajaran-Pembelajaran Sajak ‘Jiwa Hamba’	253
Jadual 4.33	Rumusan Pemerhatian Sesi Pengajaran-Pembelajaran Sajak ‘Silang Budaya’	255
Jadual 4.34	Rumusan Pemerhatian Sesi Pengajaran-Pembelajaran Sajak ‘Demi Negara’	257
Jadual 4.35	Rumusan Pemerhatian Sesi Pengajaran-Pembelajaran Sajak ‘Tenaga Alternatif’	258
Jadual 4.36	Rumusan Pemerhatian Sesi Pengajaran-Pembelajaran Sajak ‘Janji Kepada Bumi’	260

SENARAI GAMBAR

	Muka surat
Gambar 4.1 Murid melaksanakan pembelajaran koperatif semasa mencari makna perkamusan	140
Gambar 4.2 Murid menulis andaian dengan bimbingan guru	143
Gambar 4.3 Perkahwinan yang sah untuk mendapatkan zuriat	149
Gambar 4.4 Guru membimbing murid mencari makna menggunakan Kamus Dewan Edisi Keempat	155
Gambar 4.5 Graduan yang berjaya hasil didikan guru	161
Gambar 4.6 Keadaan dan persekitaran rumah yang kosong tidak berpenghuni	169
Gambar 4.7 Amalan perhambaan diamalkan di Negeri-negeri Melayu sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka.	178
Gambar 4.8 Masyarakat Majmuk di Malaysia	189
Gambar 4.9 Semangkuk Nasi Putih	195
Gambar 4.10 Khidmat yang diberikan oleh Pasukan RELA	213
Gambar 4.11 Sesi tugas menulis makna harfiah ‘akal kita mampu mengolahnya’	219
Gambar 4.12 Panel solar yang menukarkan cahaya matahari kepada tenaga elektrik	224
Gambar 4.13 Hasil kerja murid analisis TR ‘memutar turbin tanpa jemu’	231
Gambar 4.14 Empangan Bakun, yang merentasi Sungai Balui di daerah Belaga, Sarawak.	233
Gambar 4.15 Penyapu Lidi	249

SENARAI RAJAH

		Muka surat
Rajah 2.1	Perlambangan Burung – Manusia	48
Rajah 2.2	Rangka Rujuk Silang Ungkapan ‘Kunyah tebu’	52
Rajah 3.1	Carta Pai Bilangan Responden Mengikut Kelas	119
Rajah 3.2	Carta Alir Prosedur Pengutipan Data	122
Rajah 4.1	Fasa-fasa kelahiran bayi	150
Rajah 4.2	Otak dan fungsinya	225
Rajah 4.3	Struktur Bumi	243
Rajah 4.4	Maklum balas Murid 1	262
Rajah 4.5	Maklum balas Murid 2	264
Rajah 4.6	Maklum balas Murid 3	267
Rajah 4.7	Maklum balas Murid 4	269
Rajah 4.8	Maklum balas Murid 5	271
Rajah 4.9	Maklum balas Murid 6	273
Rajah 4.10	Maklum balas Murid 7	275
Rajah 4.11	Maklum balas Murid 8	276
Rajah 4.12	Maklum balas Murid 9	277

SENARAI SINGKATAN

3M	Membaca, menulis dan mengira
BBM	Bahan Bantu Mengajar
BF	Bahasa Figuratif
BPK	Bahagian Pembangunan Kurikulum
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
EMK	Elemen Merentas Kurikulum
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
KOMSAS	Komtemporari Sastera
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
PBD	Pentaksiran Bilik Darjah
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
RRS	Rangka Rujuk Silang
SI	Semantik Inkuisitif
SK	Sekolah Kebangsaan
TMK	Teknologi Maklumat dan Komunikasi
TR	Teori Relevans

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Seni bahasa yang mula diperkenalkan melalui Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) pada 2011 adalah antara aspek pembelajaran yang merangsang minat dan keinginan murid untuk mengikuti sesi pembelajaran dan pemudahcaraan yang lebih seronok dan menghiburkan di dalam kelas. Penekanan kepada aspek pembelajaran seperti seni bahasa akan menghasilkan proses pengajaran dan pembelajaran yang menggembirakan dan kanak-kanak berasa seronok untuk mengikuti sesi pembelajaran (Jantan, 2013). Aspek perkembangan fizikal, sosioemosi, kognitif dan bahasa serta potensi kanak-kanak dapat ditingkatkan ke tahap maksimum melalui pendekatan yang menyeronokkan ini (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2010). Dalam istilah yang lebih mudah, seni bahasa bermaksud memahami dan menjadi benar-benar pandai bertutur dan menulis dalam bahasa Melayu. Ini penting untuk murid, guru dan golongan akademik dan cendekiawan yang mengajar bahasa ini.

Mempelajari seni bahasa memerlukan seseorang individu atau murid untuk memahami, menggunakan dan menghayati isi kandungan seni bahasa tersebut dengan lebih mendalam. Apabila seseorang individu mempelajari seni bahasa, dia boleh melakukan dan mempersembahkan hasil kepada pihak yang lain cerita atau puisi yang menarik dengan menggunakan cara pertuturan dan penulisan yang berbeza. Pembelajaran seni bahasa juga menjadikan sekolah tempat yang gembira dan menyeronokkan seandainya seni bahasa diajar dengan cara dan gaya yang kreatif. Bahan seni bahasa yang paling tua, iaitu bercerita boleh menjadi satu teknik yang berkesan untuk meningkatkan prestasi pembelajaran murid dari aspek keterampilan berbahasa. Selain itu, bahan seni bahasa ini sentiasa menjadi aspek yang penting dalam suatu budaya manusia dan melalui cerita, budaya sesuatu masyarakat dapat difahami.

Bercerita juga menjadi media penyampaian maklumat dan sumber pendidikan tidak formal anak-anak. Oleh itu, maklumat daripada bahan seni bahasa ini penting untuk membantu murid menghasilkan pemahaman sendiri dan mencapai prestasi pembelajaran bahasa ke tahap yang optimum. Malah, maklumat ini boleh dibangunkan bersama dengan pengetahuan dan pengalaman sedia ada murid.

Dalam aktiviti seni bahasa, murid dapat membangunkan kaedah dan cara membentuk hubungan dengan rakan-rakan, berpeluang untuk menunjukkan kuasa, membuat keputusan dan penilaian, menganalisis, membayangkan dan membuat diskriminasi. Nyanyian, lakonan, bercerita, dan puisi merupakan empat elemen yang terkandung dalam aktiviti seni berbahasa. Oleh yang demikian, seni bahasa dapat dirumuskan sebagai satu aspek dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang bersifat santai dan didik hibur seperti puisi, lakonan, nyanyian, dan bercerita secara sistematik dan terancang. Penerapan aspek seni bahasa di sekolah rendah berfokus kepada apresiasi bahasa untuk merealisasikan hasrat transformasi pendidikan menerusi pendekatan pengajaran yang bersepadu, holistik dan seimbang.

1.2 Latar Belakang

Secara umumnya, penekanan seni bahasa terletak pada keindahan bahasa yang dipelajari oleh murid melalui teknik penyampaian yang menyeronokkan dan menarik seperti berpuisi, berlakon, bernyanyi dan bercerita. Keindahan bahasa yang digunakan semasa aktiviti seni bahasa ini secara langsung dapat membantu para murid memantapkan lagi kemahiran berbahasa mereka. Bahan pengajaran dan pembelajaran seni bahasa merujuk kepada hasil kesusasteraan yang terdiri daripada lirik lagu, cerita rakyat, dialog dan puisi seperti syair, sajak, pantun, seloka, dan gurindam. Bahan-bahan ini disusun dalam bentuk rangkap dan baris.

Dalam konteks kajian yang dijalankan ini, kajian lebih berfokus kepada bahan PdP seni bahasa yang berbentuk sajak atau turut dikenali dengan nama puisi moden. Pada lazimnya,

puisi moden ialah bahasa indah serta berirama yang menyerlahkan keindahan dan kesenian bahasa dan apabila dibaca atau dideklamasikan, pembaca akan menghayati dan merasa rentaknya. Menurut Za'aba (seperti yang dinyatakan dalam Wong dan Karim, 2015), syair di samping memberi maksud “karangan berangkap yang empat-empat kerat serangkap, hujung tiap-tiap keratnya bersamaan bunyi”, juga biasanya mengandungi fikiran yang cantik dan tinggi dilafazkan dengan bahasa yang indah dan berhias gambaran yang cantik serta perkara yang disampaikan bertambah menarik kepada pendengar yang menghayatinya.

Definisi puisi yang dikemukakan oleh seorang penyair dan sekali gus sarjana sastera pula iaitu, Salleh (seperti yang dinyatakan dalam Halim, 2010) menyatakan, “daerah keindahan sastera Melayu itu tidak sahaja terikat pada estetika yang didasarkan kepada kecantikan bunyi bahasanya, tetapi juga meluas kepada susunan watak dan ceritanya”. Salleh selanjutnya menambah dengan menyatakan bahawa pantun merupakan genre kesusasteraan Melayu yang paling indah. Seorang tokoh zaman Romantisisme Barat, S.T. Coleridge (1792-1834), juga seorang penyair Inggeris, mendefinisikan puisi sebagai kata-kata terbaik dalam susunan yang terbaik. Manakala William Wordsworth (seperti yang dinyatakan dalam Shaari, 2001) menyebutkan puisi ialah pengucapan tentang perasaan yang mendalam secara berentak dan pengaliran spontan yang diingatkan kembali dalam suasana tenang.

Selain itu, menurut Sabirin (1981) puisi ialah satu cabang kesenian yang disebut kesusasteraan yang bererti bahasa indah, berirama dan mempunyai bentuk. Pada asasnya, puisi lebih merupakan sifat atau nilai keindahan dalam pengungkapan bahasa. Ungkapan atau penggunaan bahasa yang indah itu disebut puitis. Puisi larut dalam jiwa masyarakat tidak hanya sebagai satu hasil kesenian, tetapi juga menjangkau alam mistik, berperanan sebagai wadah pemeliharaan adat, pembinaan sahsiah, pengajaran agama, pengajaran ilmu pengasih, pertahanan, hiburan, dan kepercayaan. Boleh dikatakan, segala aspek kehidupan masyarakat terangkum dalam persembahan dan pengucapan puisi.

Dalam perkembangan kesusasteraan Melayu, puisi merupakan satu genre sastra yang dominan jika dibandingkan dengan genre sastra Melayu yang lain seperti novel, cerpen, dan drama. Puisi juga merupakan genre yang begitu kuat perkaitannya dengan kehidupan masyarakat Melayu. Proses penciptaan puisi juga begitu akrab dengan budaya masyarakat Melayu. Sesebuah puisi yang dicipta tidak akan lahir tanpa sebab dan akibatnya. Waluyo (1994) menyatakan bahawa puisi ialah bentuk karya sastra yang mengungkapkan perasaan dan pemikiran penyajak secara imajinatif dan disusun dengan memfokuskan semua kekuatan bahasa dengan perhatian diberikan kepada struktur luaran dan struktur dalaman.

Daripada beberapa definisi yang diutarakan jelas memperlihatkan fungsi puisi itu sendiri yang menjadi saluran atau media bagi para penyair mengungkapkan perasaan dan pemikiran mereka tentang sesuatu perkara serta berbicara dan menganalisis sesuatu yang dirasainya tentang kehidupan yang dilalui. Kebanyakan penyair menyampaikan segala kritikan dan juga mesej kepada pembaca dan pendengar melalui puisi. Dalam sesebuah puisi itu, kata-kata, frasa-frasa dan kalimat-kalimat yang menjadi gaya bahasa puisi mengandungi makna tambahan atau disebut sebagai makna konotasi. Bahasa konotasi yang terkandung dalam puisi menyebabkan makna dalam baris-baris puisi itu bersifat tersembunyi, mendalam, kaya, jauh dan luas pengertiannya atau lebih tepat lagi dipanggil sebagai makna yang tersirat. Justeru gaya bahasa yang bercirikan unsur-unsur metafora, hiperbola, simile, personafikasi, ironi dan sebagainya harus ditafsirkan dengan lebih mendalam. Penggunaan gaya bahasa seperti ini sudah memperlihatkan keterampilan orang Melayu bermain dengan bahasa di samping mengekalkan ciri-ciri kesopanan berbahasa.

Seiring dengan itu juga, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menyediakan Sukatan Pelajaran berkenaan dengan pelaksanaan pengajaran seni bahasa dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Bahasa Melayu Sekolah Kebangsaan (SK), bahan pengajaran dan pembelajaran seni bahasa yang

diajarkan dalam mata pelajaran tersebut merangkumi puisi tradisional dan puisi moden. Pelaksanaan pengajaran kemahiran seni bahasa dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dilihat sebagai satu pendekatan atau langkah ke hadapan untuk memberi pendedahan kepada semua murid tentang puisi berbanding dengan sebelum ini. Kemahiran seni bahasa disisipkan dalam Komtemporari Sastera (KomSas) Bahasa Melayu dan diajar secara berasingan. Secara tidak langsung, pengajaran puisi dalam kemahiran seni bahasa ini mampu memperkasakan penggunaan Bahasa Melayu dalam kalangan murid dengan lebih meluas.

Penggunaan bahan pengajaran dan pembelajaran seni bahasa sebenarnya memberi manfaat kepada semua pihak yang terlibat khususnya kepada murid dan guru. Menurut Long (seperti dinyatakan dalam Koh, 1994, p.1), “sastera adalah hasil kreatif yang menggunakan bahasa dengan indah, baik dengan cara pengucapan atau bertulis dan digunakan sebagai bahan hiburan, bahan pengajaran untuk mengenal diri dan masyarakat sesuatu bangsa”. Disebabkan ciri kreatif dan keindahan inilah, puisi sesuai diajar dalam subjek Bahasa Melayu supaya dapat dinikmati dan dihayati oleh murid tentang kesenian dan keindahannya.

Penggunaan bahan pengajaran dan pembelajaran seni bahasa dapat membantu merangsang murid supaya memberikan pelbagai tindak balas dalam kegiatan pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah (Yusof, 2001). Murid boleh menggunakan bahasa secara aktif sewaktu pengajaran kemahiran bahasa seperti membaca, mendengar, bertutur, dan menulis. Kegiatan membaca, membuat perbincangan, dan menulis tentang kesusasteraan dapat membantu murid memahami puisi yang dibaca dengan lebih baik. Pembacaan puisi dapat memberikan murid latihan dari segi kemahiran pemahaman dan memperkukuh perbendaharaan kata dan kebolehan mereka untuk berfikir secara kreatif dan kritis.

Pengisian mengenai estetika bahasa juga akan menentukan keupayaan bahasa Melayu bertahan sebagai bahasa ilmu pada abad ke-21. Masyarakat perlu didedahkan dengan penggunaan bahasa Melayu yang indah dan menarik. Bahasa perlu sehati dengan masyarakat

agar bahasa Melayu dapat diterima sebagai bahasa yang indah dan menarik. Gutiérrez (2000) menerangkan bahawa keperluan pengajaran bahasa pada abad ke-21 ialah menggunakan bahan seni bahasa yang realistik dan mempunyai perkaitan dengan komuniti. Di samping itu, kemahiran yang diajar hendaklah dapat memenuhi keperluan murid. Aspek-aspek yang perlu diberi penekanan termasuklah sosiobudaya, linguistik, jati diri bangsa, serta nilai. Oleh itu, peranan bahan pengajaran dan pembelajaran aspek seni bahasa amat relevan dalam usaha menentukan keupayaan bahasa Melayu memenuhi keseimbangan kognitif murid bagi memenuhi keperluan alaf baru ini.

Kualiti menghiburkan dalam puisi tersebut juga cukup banyak. Rentak dan rima yang bersukat membentuk irama dalam puisi. Malah puisi pula mempunyai struktur bacaan yang tersendiri yang menghasilkan keindahan dalam pembacaan. Oleh hal yang demikian, bahan pengajaran dan pembelajaran seni bahasa yang baik, berkesan dan standard daripada segi laras bahasa akan dapat menjadi contoh kepada murid dalam hal karang-mengarang dan penjanaan serta persembahan idea, baik secara lisan mahupun tulisan. Oleh itu, para murid secara beransur-ansur dapat mempertajam daya kreatif dalam berbahasa terutamanya aspek seni bahasa. Pada akhirnya, kemahiran intrapersonal dan interpersonal murid dapat dipertingkatkan dengan adanya pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kemahiran seni bahasa di dalam bilik darjah.

1.3 Masalah Kajian

Kerajaan telah mengambil inisiatif memperkenalkan bahan pengajaran dan pembelajaran seni bahasa melalui Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) pada tahun 2011. Salah satu daripada bahan pengajaran dan pembelajaran seni bahasa yang diajar di sekolah rendah ialah sajak. Namun begitu, setelah sembilan tahun diperkenalkan, masih ramai lagi murid pada peringkat sekolah rendah belum dapat memahami makna dalam sajak yang

terkandung dalam buku teks Bahasa Melayu Sekolah Kebangsaan seperti yang dituntut dalam objektif Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) itu sendiri. Kenyataan ini disokong oleh kajian Jalaluddin et al. (2010) yang menyatakan walaupun sudah bertahun-tahun bahasa Melayu dijadikan sebagai bahasa pengantar di sekolah, bahkan sebagai mata pelajaran wajib, namun semakin ramai murid yang gagal menguasai bahasa Melayu dengan baik. Isu ini secara langsung menjejaskan proses memahami makna tersirat dalam bahan pengajaran dan pembelajaran seni bahasa yang diajar di dalam kelas.

A Rahman (2018) dalam kajian beliau menjelaskan isu kurang kemahiran dalam menghasilkan jawapan yang kritis serta kreatif menyebabkan penjelasan tentang isi kandungan secara implisit menjadi lemah dan seterusnya mengakibatkan isi kandungan jawapan yang dikemukakan jauh daripada fokus dan objektif pembelajaran, meleret-leret dan tidak menepati kehendak tugas seperti yang dikehendaki. Kenyataan ini disokong oleh Atan (2010) yang menyatakan penggunaan bahasa yang diujarkan berkait dengan darjah kefahaman penggunaan unsur bahasa tersebut. Tambahnya lagi, mesej yang hendak disampaikan seseorang tidak dapat difahami dan berlaku juga pentafsiran yang salah terhadap sesuatu ujaran. Pada asasnya, sesuatu ungkapan atau ujaran yang terkandung dalam sajak mempunyai mesej yang hendak disampaikan oleh pengarang kepada pembaca. Tujuan pengarang adalah untuk menyampaikan maksud atau sesuatu yang berada dalam pemikirannya. Oleh sebab makna tersirat hanya dapat difahami berdasarkan konteks dan konteks pula dapat memberikan pengertian yang pelbagai, pembelajaran pemahaman makna tersirat perlulah berpandukan konteks. Menurut Thomas (1995), makna tersirat bagi sesuatu ujaran perlu merujuk makna konteks fizikal dan persekitaran, konteks sosial budaya, dan konteks linguistik bagi sesuatu ujaran. Tambahnya lagi, makna tersirat perlu difahami berdasarkan niat penutur, sama ada berbentuk penegasan, arahan, komisif, eksprisif atau pengisytiharan.